



BAHAGIAN PERANCANG EKONOMI NEGERI JOHOR

GARIS PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN TAHUN 2027

1. Tujuan

Garis panduan ini bertujuan untuk memberi panduan bagi penyediaan cadangan anggaran perbelanjaan pembangunan Kerajaan Negeri Johor bagi tahun 2027.

2. Dasar dan Strategi Bajet Negeri Johor Tahun 2027

2.1 Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan langkah-langkah dan program pembangunan selaras dengan Rancangan Johor Lima Tahun (RJ5T) yang memberikan penekanan kepada usaha merealisasikan Maju Johor iaitu memastikan visi menjadikan Johor negeri maju menjelang 2030 menjadi kenyataan. Maju Johor mempunyai enam teras tunjang utama :

Teras 1 : Tadbir Urus Kerajaan

Teras 2 : Pembangunan Ekonomi

Teras 3 : Jaringan Keselamatan

Teras 4 : Kemudahan dan Keperluan Asas

Teras 5 : Keselamatan, Kebersihan dan Kelestarian Alam Sekitar

Teras 6 : Orang Muda Johor

- 2.2 Keberkesanan program-program dan projek-projek yang dijalankan perlu menyumbang kepada aspirasi rakyat Negeri Johor. Program-program dan projek-projek yang menyumbang kepada Keberhasilan Utama Negeri dalam Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor, Inisiatif Kerajaan yang akan diumumkan dalam ucapan Bajet Negeri Johor 2027, Indeks Pencapaian Utama (KPI) Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa bagi Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor serta Indeks Pencapaian Utama (KPI) Ketua-ketua Jabatan akan diberikan keutamaan.
- 2.3 Jabatan-jabatan hendaklah memastikan perbelanjaan pembangunan adalah berteraskan kepada prinsip-prinsip berikut:
- a) Perbelanjaan perlu menjurus kepada masalah (kepentingan) rakyat;
 - b) Penggunaan sumber sedia ada secara optimum;
 - c) Nilai terbaik untuk wang (“best value for money”);
 - d) Tumpuan kepada keberhasilan (“outcome”) dan bukan perkhidmatan yang disediakan untuk pelanggan (“output”);
 - e) Tumpuan kepada fungsi teras (“core business”) jabatan; dan
 - f) Merangsang pertumbuhan ekonomi yang memberikan manfaat kepada masalah rakyat
- 2.4 Jabatan diminta mengamalkan pengurusan kewangan yang terancang dan berhemah dengan melaksanakan program dan projek secara paling cekap, ekonomi dan berkesan. Untuk itu Bajet tahun 2027 harus di tumpukan kepada objektif-objektif seperti berikut:
- a) Menyemak skop Program/Projek sedia ada mengikut keutamaan;
 - b) Memastikan pelaksanaan Program/Projek yang bersifat “low cost, high impact” dan “high cost, high impact” untuk memastikan ia benar-benar memberi manfaat kepada kumpulan sasaran selaras dengan prinsip “best value for money”;
 - c) Memansuhkan program yang tidak kritikal;
 - d) Mengambil kira keperluan sebenar perbelanjaan berdasarkan kapasiti pelaksanaan bagi mengelak pembaziran dan ketirisan;

- e) Menumpukan kepada fungsi teras ("core business") jabatan, oleh itu pertindihan fungsi di antara jabatan dapat dielakkan. Program-program serupa tetapi dijalankan oleh beberapa jabatan berbeza juga akan diselaraskan semula untuk mengelakkan ketirisan;
- f) Memastikan semua perbelanjaan komited terutamanya yang berkontrak disediakan peruntukan yang mencukupi; dan
- g) Pekeliling 1PP – PB 3.1 – Garis Panduan Penjimatan Perbelanjaan Awam hendaklah dipatuhi.

3. Penyediaan Cadangan Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2027

- 3.1 Perancangan Program/Projek pembangunan RJ5T perlu mematuhi dasar, akta, pekeliling, garis panduan dan peraturan yang masih berkuatkuasa seperti yang dinyatakan dalam Garis Panduan Penyediaan Rancangan Lima Tahun Negeri Johor (RJ5T). Hanya program/projek yang ditakrifkan dalam Garis Panduan tersebut sebagai perbelanjaan pembangunan yang akan dipertimbangkan untuk Anggaran Perbelanjaan Pembangunan.
- 3.2 Program / Projek yang dicadangkan perlu menekankan kepada penggunaan sumber secara optimum, tidak memerlukan pertambahan kakitangan, berimpak tinggi kepada masalah rakyat, kos yang rendah serta kesediaan untuk dilaksanakan.
- 3.3 Program-program dan projek-projek akan dinilai berasaskan keutamaan Negeri Johor untuk memastikan visi Maju Johor tercapai. Program - program dan projek-projek perlu menyumbang kepada Keberhasilan Utama Negeri dalam Pelan Pembangunan Mampan Negeri Johor, Inisiatif Kerajaan yang akan diumumkan dalam ucapan Bajet Negeri Johor 2027, Indeks Pencapaian Utama (KPI) Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa bagi Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor serta Indeks Pencapaian Utama (KPI) Ketua-ketua Jabatan.
- 3.4 Keutamaan juga akan diberikan kepada program / projek sambungan, program dan projek yang telah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor dan program/projek yang telah diluluskan secara berfasa.

- 3.5 Tumpuan perlu diberi kepada perancangan program dan projek yang teliti dan komprehensif dengan mengambil kira pandangan pihak berkepentingan (stakeholders) peringkat daerah dan akar umbi serta keperluan sebenar kumpulan sasar. Jabatan-jabatan perlu mengambil tindakan berikut:
- a) Jabatan perlu berunding dengan pusat tanggungjawab/ jabatan/ agensi/badan berkanun di bawah seliaan masing-masing; dan
 - b) Jabatan perlu berunding dan mendapat sokongan pentadbiran daerah untuk memastikan implemental program / projek kelak tidak bermasalah atau bertindih dengan jabatan-jabatan lain.
- 3.6 Jabatan perlu melaksanakan kajian impak terhadap keberhasilan atau "outcome" terhadap projek yang telah dijalankan. Bagi projek yang kurang memberikan impak yang tinggi adalah diminta untuk dikaji semula mekanisme pelaksanaannya atau digugurkan daripada permohonan.
- 3.7 Cadangan Kajian yang dikemukakan perlu memperincikan semua elemen kos yang terlibat. Sebarang jenis lawatan tidak dibenarkan untuk dimasukkan dalam kos kajian kerana ia merupakan perbelanjaan mengurus. Lawatan hanya dibenarkan menggunakan perbelanjaan pembangunan adalah bagi tujuan misi perdagangan/pelaburan dan promosi pelancongan.
- 3.8 Penetapan nama dan komponen maklumat Program/Projek yang ditakrifkan sepertimana **Lampiran II** sebagai perbelanjaan pembangunan yang akan dipertimbangkan untuk Anggaran Perbelanjaan Pembangunan.

- 3.9 Dari segi pelaksanaan projek fizikal baharu, kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan perlu merujuk kepada Jabatan Teknik terlebih dahulu selaras dengan pematuhan Arahan Perbendaharaan (AP) 182.
- 3.10 Jabatan hendaklah memastikan projek-projek fizikal binaan dilaksanakan mengikut jadual dan peruntukan yang telah diluluskan serta dapat beroperasi dengan optimum selewat-lewatnya dalam tempoh enam bulan selepas projek siap. Ini bagi memastikan penggunaan dan pengujian terhadap semua sistem serta kualiti pembinaan dapat diperiksa sepenuhnya dan pembaikan yang diperlukan dapat dilaksanakan dalam tempoh tanggungan kecacatan (Defect Liability Period) oleh pihak kontraktor. Kajian Penilaian Outcome perlu dilaksanakan bagi Program/Projek yang telah siap supaya pencapaian serta tahap keberhasilan Program/Projek dijadikan sebagai value review dalam membantu membuat keputusan berimbang bagi tujuan perancangan dan pelaksanaan Program/Projek. Di peringkat ini juga, jabatan boleh melaksanakan pengesanan awalan secara penilaian formatif terhadap keberhasilan projek berdasarkan sasaran yang ditetapkan di peringkat perancangan.
- 3.11 Bagi permohonan pembangunan dan pelaksanaan projek teknologi komunikasi maklumat (ICT), jabatan hendaklah merujuk kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor, ICT@Johor untuk semakan dan saringan awal supaya selaras dengan Pelan Strategik SUK dan Pelan Strategik ICT Kerajaan Negeri Johor.
- 3.12 Jabatan juga perlu merujuk kepada **Lampiran III** mengenai Senarai Klasifikasi Pembiayaan Program dan Projek di bawah Belanja Pembangunan (DE) dan Belanja Mengurus (OE) yang telah dikemaskini dengan mengambil kira pengelasan kerja penyenggaraan dan projek pemulihan, pemuliharaan, ubah suai dan naik taraf di bawah DE dan OE.

4. Cadangan Permohonan Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2027

- 4.1 Penyediaan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2027 hendaklah dilaksanakan sepenuhnya melalui Sistem Pemantauan Projek Negeri Johor (JoMS). Sehubungan itu, semua permohonan perlu dikemukakan dan dimasukkan ke dalam sistem tersebut sahaja, dengan setiap cadangan projek disusun mengikut senarai keutamaan, di mana keutamaan nombor satu merupakan projek paling utama, diikuti keutamaan seterusnya.
- 4.2 Jabatan hendaklah memastikan semua maklumat mandatori projek diisi sepenuhnya dengan tepat dalam sistem JoMS. Semua permohonan projek perlu dikemukakan secara dalam talian melalui skrin Projek Baru – Permohonan Baru.
- 4.3 Status tanah bagi setiap permohonan hendaklah disemak terlebih dahulu bagi memastikan status tanah yang dipohon adalah jelas serta bebas daripada sebarang isu pemilikan, termasuk hak milik persendirian, hak milik Persekutuan atau lain-lain perkara berkaitan.
- 4.4 Sekiranya melibatkan tanah rizab, kebenaran daripada pemegang rizab yang berkenaan hendaklah diperoleh terlebih dahulu sebelum permohonan dikemukakan.

5. Pemeriksaan Bajet Untuk Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2027

- 5.1 Pemeriksaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan dengan jabatan-jabatan akan diadakan dan akan dimaklumkan melalui surat.

6. Penutup

- 6.1. Cadangan anggaran perbelanjaan hendaklah dibuat dengan teliti mengikut susunan keutamaan yang secara khususnya berlandaskan kepada aktiviti teras dan kerangka keberhasilan jabatan dan secara amnya, meningkatkan kesejahteraan rakyat di samping memacu pertumbuhan ekonomi dan pembangunan negara. Jabatan hendaklah memastikan perancangan prestasi dibuat berdasarkan keupayaan sebenar dalam menjana output yang berkualiti dan seterusnya mencapai sasaran dan outcome yang dikehendaki berbanding hanya menumpukan kepada prestasi perbelanjaan semata-mata.
- 6.2. Penekanan hendaklah diberikan kepada strategi perbelanjaan mengikut keutamaan dan berhemat bagi mengoptimumkan penggunaan sumber, seterusnya mengelakkan pembaziran yang akan mencerminkan kelemahan perancangan dan pengurusan sumber sektor awam.
- 6.3. Jabatan juga dikehendaki memberi perhatian serius kepada teguran audit dan mengambil tindakan tegas untuk memperbaiki ketidakpatuhan/kelemahan serta memastikan ketidakpatuhan/ kelemahan yang sama tidak berulang pada masa hadapan.
- 6.4. Jabatan perlu meningkatkan keupayaan dan kompetensi pegawai jabatan Kerajaan agar pelaksanaan program dan penyampaian perkhidmatan awam mencapai kualiti yang ditetapkan disokong oleh amalan tadbir urus yang baik, serta memenuhi ekspektasi pelanggan dan pihak berkepentingan.
- 6.5. Dalam penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2027, Jabatan yang memerlukan maklumat lanjut atau bantuan boleh menghubungi Seksyen Belanjawan, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.

7. Tarikh Kuat Kuasa

- 7.1 Garis panduan ini diguna pakai khusus untuk penyediaan **Belanjawan Pembangunan Tahun 2027** sahaja.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,



(HJ. AHMAD NAZIR BIN HJ. MOHD NASIR)
Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor (Pembangunan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor

s.k. :

1. **YB Setiausaha Kerajaan Johor**
Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor
2. **YB Pegawai Kewangan Negeri Johor**
Pejabat Perbendaharaan Negeri Johor
3. **Timbalan Setiausaha Kerajaan Johor**
(Pemantauan Projek dan Kesejahteraan Rakyat)

PENETAPAN NAMA PROJEK

NAMA PROJEK	KRITERIA
PEMBINAAN...	Pembinaan bangunan tanpa sebarang peralatan "loose"
PEMBANGUNAN...	Pembinaan bangunan beserta pakej peralatan "loose" seperti peralatan akademik / perabot / dsb
PEROLEHAN PERALATAN...	Perolehan peralatan baharu tanpa penggantian peralatan sedia ada pertambahan peralatan
PENGGANTIAN DAN PEROLEHAN PERALATAN..	Penggantian / naik taraf peralatan usang atau sedia ada
MENAIK TARAF..	Melibatkan kerja kerja naik taraf , baik pulih , ubah suai bangunan dsb
PEROLEHAN TANAH..	Melibatkan perolehan tanah bagi pembangunan infrastruktur / institusi baharu

PENETAPAN KOMPENAN MAKLUMAT PROJEK

BUTIRAN	MAKSUD	CONTOH
Nama projek	Bahasa kebangsaan tepat tidak terlalu panjang tidak menggunakan singkatan kata	<p>Kerja menaik taraf tandas dan dewan terbuka serta kerja-kerja berkaitan di Sekolah Agama Pulau Tinggi Daerah Mersing</p> <p>BUKAN kerja menaik taraf tandas dan dewan terbuka serta kerja-kerja berkaitan di SA Pulau Tinggi daerah Mersing</p>
Skop Projek	Komponen projek yang dinyatakan dengan terperinci bagi mencapai output yang ditetapkan	<p>Kerja-kerja naik taraf tandas dan sistem perparitan termasuk pembaikan bumbung, dinding serta kerja-kerja berkaitan di Pertubuhan Kebajikan Pemulihan Dalam Komuniti (PKPDK) Sayangku, Segamat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Penyelia :8 orang - Pelatih: 49 orang - Pembaikan keretakan dinding - Naik taraf sistem perparitan - menaik taraf tandasmesra OKU - Pembaikan atap genting - Membekal dan mengganti jenang aluminium pintu

**SENARAI KLASIFIKASI PEMBIAYAAN PROGRAM DAN PROJEK DIBAWAH
BELANJA PEMBANGUNAN (DE) DAN BELANJA MENGURUS (OE)**

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
1.	<p>BINA BARU, NAIK TARAF DAN UBAH SUAI</p> <p>Definisi :</p> <p>a. <u>Bina baharu</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ● Kerja – kerja pembinaan bangunan/infrastruktur baharu. ● Perolehan kelengkapan dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/infrastruktur <p>b. <u>Naik taraf</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ● Kerja – kerja menaik taraf bangunan/infrastruktur sedia ada ke tahap yang lebih baik (termasuk membina bangunan tambahan) ● Melibatkan kerja – kerja merubah struktur/ saiz sedia ada ● Perolehan kelengkapan dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/infrastruktur yang dinaik taraf <p>c. <u>Ubah suai</u></p> <ul style="list-style-type: none"> ● Kerja – kerja ubah suai bangunan/infrastruktur sedia ada yang tidak melibatkan perubahan struktur dan pertambahan saiz seperti ubah suai dalaman bangunan ● Perolehan kelengkapan dan peralatan adalah secara pakej bagi melengkapkan fungsi bangunan/infrastruktur yang diubah suai dan bukan penggantian peralatan sedia ada. 			

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	i. Bina baharu, naik taraf dan ubah suai bangunan/infrastruktur termasuk perolehan pakej kelengkapan/perabot dan peralatan		✓	<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan bangunan baharu Pusat Pentadbiran Daerah Ledang beserta kelengkapan perabot. • Menaiktaraf Jalan Kg. Parit Simpan, Daerah Batu Pahat. • Ubahsuai, naiktaraf dan pembaikan kompleks penghulu.
2.	<p>PENYELENGGARAAN</p> <p><u>Definisi</u></p> <p>a. Kerja – kerja penyelenggaraan aset/harta modal bagi mengesan, mencegah atau membaiki kerosakan/kecacatan supaya dapat berfungsi sepenuhnya atau sentiasa berada dalam keadaan baik/sempurna. Contoh : penyelenggaraan bangunan dan kelengkapan perabot/peralatan, kenderaan dan jentera, infrastruktur (jalan, jalan raya, jambatan, longkang, culvert) dan sebagainya ; dan</p> <p>b. Kerja – kerja penyelenggaraan tidak mengubah struktur asal bangunan/infrastruktur.</p>			

Bil.		Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
			OE	DE	
	i.	Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembaikan kompleks/ bangunan / infrastruktur		✓	
	ii.	<u>Penyelenggaraan dan pembaikan kecil/berulang</u> seperti mengecat, menukar lampu, kepala paip, pam tandas, wiring, siling, bumbung, dinding, pagar, kerosakan infrastruktur dan kompleks/bangunan		✓	

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
iii.	<u>Penyelenggaraan rutin</u> seperti <i>resurface & partial construction</i> , tampal lubang, baiki bahu jalan, garis jalan, papan tanda, kelengkapan jalan raya, membersihkan longkang tepi jalan, lampu jalan, memotong rumput, cuci perparitan dan sebagainya		✓	<ul style="list-style-type: none"> • Projek pembersihan saliran • Penyelenggaraan Sistem Pengairan dan Saliran
iv.	<u>Penyelenggaraan secara perkhidmatan berkala / kontrak ke atas kenderaan dan jentera</u>		✓	

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
3.	PEROLEHAN ASET TETAP			
	i. Perolehan tanah/ tapak untuk pembangunan merangkumi kerja awalan tanah/ tapak seperti pembersihan tanah, kerja ukur, penyiasatan tanah, rawatan tanah dan pemagaran		✓	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelian Tanah bagi Projek Pembangunan Perniagaan Rakyat.
	ii. Bayaran premium tanah bagi tujuan pembangunan termasuk bayaran tunggakan		✓	
	iii. Perolehan bangunan sebagai program/projek pembangunan		✓	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelian bangunan Bagi Kegunaan Menempatkan Usahawan Bumiputera

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
4.	PEROLEHAN HARTA MODAL			
	i. Perolehan peralatan dan kelengkapan pejabat (secara pakej / bersekali dengan bangunan / infrastruktur)		✓	<ul style="list-style-type: none"> • Pembinaan bangunan baharu Pusat Pentadbiran Daerah Ledang.
	ii. Perolehan jentera, peralatan dan mesin baharu/ menaik taraf peralatan sebagai program/ projek pembangunan		✓	<ul style="list-style-type: none"> • Pembelian insinerator di tapak pelupusan sampah Seelong
	iii. Perolehan kenderaan bagi tujuan operasi dan penguatkuasaan.		✓	<ul style="list-style-type: none"> • Perolehan Kereta Penguatkuasaan Pejabat Tanah dan Galian

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	iv. Perolehan haiwan, pokok & benih berkaitan pembangunan seperti pembelian baka ikan untuk pengeluaran benih dan pemprosesan ikan		✓	<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran Bibit dan Baka Lembu
	v. Perolehan kenderaan pejabat seperti kereta, bas dan coaster (urusan pentadbiran)	✓		<ul style="list-style-type: none"> • One-off kenderaan / jentera – Pembelian kenderaan pejabat
	vi. Perolehan penggantian / tambahan peralatan & kelengkapan pejabat (bukan secara pakej dengan bangunan / infrastruktur)	✓		<ul style="list-style-type: none"> • One-off harta modal – Pembelian 10 unit komputer
	vii. Perolehan pokok dan benih yang tidak berkaitan dengan pembangunan seperti untuk hiasan pejabat	✓		<p>Senggaraan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Landskap pejabat

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
5.	PEMBANGUNAN MODAL INSAN / LATIHAN			
	i. Perbelanjaan yang melibatkan pembangunan modal insan kumpulan sasaran		✓	<ul style="list-style-type: none"> • Projek Skim geran Galakan Untuk Orang Kurang Upaya (OKU) • Program Kapasiti dan Kapabiliti Modal Insan Negeri Johor
	ii. Perbelanjaan yang melibatkan pembangunan modal insan untuk kakitangan Jabatan Kerajaan	✓		<ul style="list-style-type: none"> • Seminar, persidangan kursus dan sebagainya
6.	PERBELANJAAN – PERBELANJAAN LAIN			
	i. Pembangunan sistem dan fi / yuran langganan / lesen perisian secara program / pakej		✓	
	ii. Penyelenggaraan sistem dan fi / yuran langganan / lesen perisian bukan secara program / pakej	✓		

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	iii. a. Perolehan perkhidmatan ICT (Kegunaan Pejabat) b. Perolehan perkhidmatan ICT (Kegunaan Program awam melibatkan golongan sasaran)	✓	✓	<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran Bibit dan Baka Lembu
	iv. Promosi dan pengiklanan program yang meyumbang kepada KDNK negeri (pelancongan & pelaburan)		✓	<ul style="list-style-type: none"> • Program promosi pelancongan (Jabatan Pelancongan) • Program penggalakan pelaburan (JSIC)
	v. Kajian dan bayaran pakar perunding untuk projek pembangunan.		✓	<ul style="list-style-type: none"> • Kajian Kejuruteraan Rapid Transit Sistem

Bil.	Perkara	Kategori Perbelanjaan		Contoh Projek
		OE	DE	
	vi. Bayaran bil utiliti	✓		<ul style="list-style-type: none"> Kos Operasi & Penyelenggaraan Lampu Jalan Kampung KKLW
	vii. Bayaran pampasan / ganti rugi yang ditanggung oleh Kerajaan	✓		
	viii. Bayaran emolumen, elaun lebih masa dan bantuan tunai kakitangan termasuk kakitangan lantikan kontrak / sementara	✓		
	ix. Tuntutan perjalanan dalam dan luar negara	✓		
	x. Penganjuran majlis perasmian / pecah tanah projek pembangunan	✓		
	xi. Perolehan bahan bercetak, bahan mentah, bahan pakai buang dan seumpamanya	✓		

*Sekiranya terdapat pertikaian terhadap pengkelasan permohonan projek pembangunan dan pengurusan, ianya akan diputuskan oleh Timbalan Setiausaha Johor (Pembangunan) / Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Johor.